

07 OCT 1997

KEJATUHAN NILAI RINGGIT TIDAK AKAN KEKAL LAMA, KATA ANWAR

BATU PAHAT, 7 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata keyakinan kerajaan bahawa kejatuhan nilai ringgit tidak akan kekal lama bukan bermakna pucuk pemipina negara takbur atau sombong tetapi adalah berasaskan kepada ekonomi negara yang kukuh.

Sambil mempertahankan pendekatan tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung masalah yang dihadapi, beliau berkata keyakinan kerajaan itu kerana asas ekonomi negara adalah kuat.

Beliau menyifatkan masalah ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit sekarang sebagai "jerebu" ekonomi dan berkeyakinan keadaan itu tidak akan kekal lama berikutan dengan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya.

Berucap di majlis makan tengah hari bersama Badan Perhubungan Umno Johor di sini, Anwar berkata langkah mengelak pembaziran, berjimat cermat serta mendapatkan kerjasama semua pihak adalah usaha kerajaan untuk menamatkan krisis penyusutan nilai ringgit.

Bagaimanapun dalam masa langkah berjimat cermat diambil, beliau menegaskan bahawa sebarang peruntukan yang memberi faedah langsung kepada rakyat terutama golongan miskin tidak akan terjejas dan akan terus disalurkan.

Sementara itu, di pasaran tukaran asing hari ini, ringgit ditutup tinggi pada 3.2700 bagi seunit dolar Amerika berbanding dengan 3.3650/50 semalam.

Mengenai tindakan tegas pemimpin tertinggi negara berhubung penyelesaian krisis itu, Anwar berkata ia telah berjaya mencapai matlamat supaya badan antarabangsa seperti IMF memberi perhatian yang bersungguh-sungguh.

"Jika Perdana Menteri terus dengan cara lembut dan terlalu diplomatik, kesannya tidak seberapa, tetapi bila dikejutkan dengan kenyataan yang keras, seluruh dunia dan masyarakat kewangan antarabangsa terkejut dan terpinga-pinga dan ada yang marah.

"Semasa banyak pihak masih terkejut dengan kenyataan Dr Mahathir, saya telah menyusuli pandangan beliau dengan menyatakan badan kewangan antarabangsa perlu memperkenalkan peraturan mengawal spekulasi matawang," tegas Anwar.

Beliau berkata daripada pendekatan yang kelihatan berbeza itu, bermulalah serangan daripada kelompok tertentu khususnya dari luar untuk menggugat perpaduan.

Beliau berkata, penjelasan itu bertujuan memberitahu badan kewangan antarabangsa supaya menyediakan peraturan mengawal dan menyelamatkan ekonomi negara membangun serta pasaran kewangan negara terbabit daripada menjadi mangsa manipulasi dan spekulasi.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata sebenarnya tidak ada pendekatan yang diambil oleh pemimpin negara ini dalam bidang pentadbiran negara, politik dan ekonomi yang tidak dibuat secara bersama menerusi perbincangan.

Bagaimanapun, ada pihak yang mahu memerangkap dengan mencetuskan isu berlakunya perbezaan di kalangan kepimpinan negara dan Anwar mengulangi gesaan supaya semua pihak mengekalkan perpaduan dan disiplin untuk menangani krisis yang berlaku.

Katanya kenyataan tegas Perdana Menteri adalah cara beliau untuk menarik perhatian antarabangsa dan ia berhasil.

"Kita berjaya mengejutkan dunia dan hasilnya, IMF (Tabung Kewangan

Antarabangsa) akan mengadakan perbincangan bagi memperkenalkan peraturan bagi menangani kegiatan lindung nilai pasaran kewangan."

Kerajaan pula, katanya, mengambil inisiatif menerusi perbincangan dan muafakat untuk menyelesaikan masalah itu, selain mengharapkan perpaduan di kalangan rakyat terus diperkukuhkan.

"Rakyat jangan benarkan sesiapa sahaja, sama ada agenda luar atau kelompok kecil dalam negara untuk menggugat perpaduan. Jangan ingat kerana di Mexico dan Thailand pernah berlaku (krisis ekonomi), Malaysia juga akan ditimpa nasib yang sama.

"Kita masih mempunyai simpanan kewangan daripada lebihan belanjawan lalu serta langkah berjimat cermat kerajaan. Jadi, jangan terlalu rungsing dengan agenda orang luar serta kelompok kecil dalam negara," katanya.

Selain itu, katanya, langkah mengelakkan pembaziran, berjimat cermat serta kerjasama semua pihak adalah antara usaha yang boleh membantu menamatkan krisis kejatuhan nilai ringgit ketika ini.

"Menangani masalah memerlukan pengorbanan semua pihak. Sebab itu kita mula dari atas dengan membatalkan lawatan ke luar negara serta memotong peruntukan kepada kementerian dan jabatan kerajaan, tetapi peruntukan yang memberi faedah kepada rakyat, terutama orang miskin di luar bandar akan diteruskan," katanya.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yasin. -- Bernama

MOZ SIA